

PERAK PERKASA AGENDA DIGITALISASI NEGERI MELALUI PORTAL PERAK DIGITAL 2.0

IPOH, APRIL 21, 2025 – Dalam usaha memperkukuh agenda Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri Perak terus komited menjadikan digitalisasi sebagai salah satu pemacu utama pembangunan sosioekonomi. Selaras dengan matlamat menjadikan Perak sebuah negeri pintar dan progresif, Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) hari ini melancarkan Portal Perak Digital 2.0, satu inisiatif inovatif yang memacu keterangkuman digital, memperkasa masyarakat dan merapatkan jurang teknologi.

Majlis peluncuran disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan, Dato' Seri Saarani Bin Mohamad, bersempena Mesyuarat Pertama Tahun Ketiga, Dewan Negeri Yang Kelima Belas, Perak Darul Ridzuan.

Portal Perak Digital 2.0, yang dibangunkan dengan teknologi platform terkini, menawarkan antaranya mesra pengguna, sistem keselamatan canggih serta prestasi yang stabil dan pantas. Lebih daripada sekadar portal kerajaan, ia turut menyediakan pelbagai aplikasi perkhidmatan digital, termasuk modul terbaharu e-Derma — satu inisiatif yang membolehkan orang ramai menyalurkan sumbangan secara telus dan sah kepada rumah ibadat serta sekolah yang memerlukan di seluruh negeri.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO, YB Mohd Azlan Helmi bin Helmi, "Portal ini merupakan evolusi daripada platform Portal Perak Digital 1.0 yang mula diperkenalkan pada 2018, dan kini hadir dengan penambahbaikan menyeluruh bagi memenuhi keperluan era digital."

Beliau menambah, "Modul e-Derma ini bukan sahaja memudahkan urusan sumbangan, malah berfungsi sebagai langkah perlindungan terhadap penipuan siber. Dengan hanya mengimbas kod QR yang disahkan, penderma dapat menyumbang terus kepada penerima tanpa ragu. Ini adalah manifestasi kerajaan negeri dalam mempermudah urusan rakyat, menggalakkan literasi digital dan menyantuni agenda flagship 11 – Ekonomi Digital."

Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Encik Mohamad Suhaimi bin Mohamad Tahir pula menyatakan bahawa portal ini kini telah merekodkan lebih 200,000 pengguna berdaftar dan menawarkan pelbagai aplikasi digital seperti e-Perjawatan, e-Internship, e-Pensijilan Halal,





direktori e-dagang S.M.A.R.T Niaga@Perak, dan e-Tempahan.



“Digital Perak komited untuk terus memperkasa platform ini dari semasa ke semasa dengan penambahan pelbagai modul baharu yang akan memudahkan lagi urusan dalam talian yang melibatkan kerajaan, sektor PMKS dan rakyat secara keseluruhan,” ujarnya.



Aplikasi e-Derma boleh diakses oleh orang awam mulai 15 April 2025 menerusi laman web rasmi: digital.perak.my